



**PELAKSANAAN DIDIK HIBUR DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MEMBACA
BAHASA MELAYU MURID LINUS TAHUN 3**

(Implementation of Fun Learning in Teaching and Learning for Reading Bahasa Melayu of the Year 3 Linus Students)

Pauline Unjong^{1*}, Zuraini Seruji¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding Author Email: paulineunjong11@gmail.com

Received: 11 March 2021 • Accepted: 8 June 2021 • Published: 30 April 2022

Abstract

This study is to obtain information about the fun learning techniques in education for the Malay language that focuses on teaching and learning specifically for LINUS Year 3 students used by teachers from three schools selected in the Sibu district for the study sample. This study was conducted to identify the use of fun learning techniques involving four essential elements which are singing, storytelling, acting, and using pantun. The implementation of this study to carry out quantitative analysis by applying investigative instruments. The instruments of the investigation are to answer by the teachers involved in this study. The study showed that using the teaching method using these four elements can improve the reading skills of LINUS Year 3 students, and teachers use fun learning techniques in teaching and reading the Malay language for LINUS Year 3 students. The implementation of fun learning in teaching Malay language using singing techniques shows that the overall mean is at a high level ($M = 4.02$, $SP = 0.71$), storytelling technique ($M = 3.87$, $SP = 0.60$), acting technique ($M = 3.74$, $SP = 0.58$) and pantun technique indicate the overall mean is at a simple stage ($M = 3.50$, $SP = 0.74$). In conclusion, using fun learning techniques to entertain using the four important elements can improve Malay language reading skills and positively impact the learning process of LINUS Year 3 students.

Keywords: Fun learning; LINUS; teaching and learning; LINUS Year 3

Abstrak

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang penggunaan kaedah didik hibur dalam Bahasa Melayu yang memfokuskan pengajaran dan pembelajaran untuk murid LINUS Tahun 3 yang digunakan oleh guru di tiga buah sekolah di daerah Sibu yang terpilih untuk sampel kajian. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti penggunaan kaedah didik hibur yang melibatkan empat elemen iaitu nyanyian, bercerita, lakonan dan menggunakan pantun 2 kerat. Pelaksanaan kajian ini dilaksanakan secara analisis kuantitatif dengan menerapkan instrumen soal selidik. Instrumen soal selidik yang dilaksanakan dijawab oleh guru terlibat dalam kajian. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kaedah didik hibur menggunakan empat elemen ini dapat meningkatkan kemahiran membaca murid LINUS Tahun 3 dan guru menggunakan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran membaca murid LINUS Tahun 3. Pelaksanaan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan teknik nyanyian menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi ($M = 4.02$, $SP = 0.71$), teknik bercerita ($M = 3.87$, $SP = 0.60$), teknik lakonan ($M = 3.74$, $SP = 0.58$) dan teknik pantun (dua kerat) menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang sederhana ($M = 3.50$, $SP = 0.74$). Kesimpulannya penggunaan kaedah didik hibur menggunakan empat elemen ini dapat meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Melayu serta memberikan kesan positif semasa proses pembelajaran murid LINUS Tahun 3.

Kata kunci: Didik hibur; LINUS; pengajaran dan pembelajaran

Cite as: Unjong, P., Seruji, Z. (2022). Implementation of Fun Learning in Teaching and Learning for Reading Bahasa Melayu of the Year 3 LINUS Students. *Asian People Journal*, 5(1), 22-30.

PENGENALAN

Pada tahun 2011, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mencadangkan penyerapan kaedah didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kaedah didik hibur ini diperkenalkan oleh KPM di sekolah rendah bertujuan untuk merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah secara holistik teknik ataupun kaedah didik hibur yang diperkenalkan di dalam bilik darjah akan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan murid (Jamian, 2013). Fokus kajian ini adalah mengaplikasikan teknik ataupun kaedah didik hibur yang merupakan satu pembaharuan yang diperkenalkan sebagai kaedah alternatif untuk membaca semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kepada murid di peringkat sekolah rendah.

Tujuan kaedah didik hibur ini diperkenalkan adalah untuk menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran membaca Bahasa Melayu menjadi sangat seronok untuk diikuti oleh murid terutama sekali bagi murid yang masih lambat penguasaannya dalam kemahiran membaca. Kemahiran membaca adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid kerana itu fokus pelaksanaan kajian ini adalah kepada kemahiran asas iaitu kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun 3 melalui pendekatan yang baharu iaitu kaedah didik hibur.

Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas Bahasa Melayu untuk murid sekolah rendah (Jamian, 2011). Membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas kepada pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan yang menyeluruh. Membaca bertujuan untuk memahami teks berserta kandungan teks yang dapat memberi makna kepada pembaca (Yahya, 2005). Membaca adalah aspek penting yang dapat membantu murid menyebut perkataan demi perkataan dengan betul dan tepat dalam mencari makna perkataan serta mengukur kemampuan murid untuk mencapai matlamat dan memahami petikan yang dibaca. Ini selaras dengan kenyataan yang telah dinyatakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2015), kemahiran membaca perlu dikuasai sepenuhnya oleh setiap murid bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah serta dapat berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Hal ini kerana membaca adalah proses yang kompleks dan melibatkan proses komunikasi antara pembaca dengan penulis melalui tulisan.

Naimah et al. (2011) telah menyatakan pandangan bahawa kanak-kanak mempunyai minat dan strategi dalam memperoleh kemahiran membaca yang tersendiri, khususnya di peringkat bacaan awal. Permasalahan dalam kemahiran membaca dapat dibahagikan kepada dua kategori, iaitu masalah mengenal huruf dan masalah memahami apa yang dibaca. Menurut kajian Zamri dan Suwarnee (2008), masalah membaca adalah penyebab utama yang menyebabkan wujudnya masalah pembelajaran dalam kalangan murid. Hal ini disebabkan oleh murid mempunyai latar belakang status ekonomi dan sosial yang berbeza. Justeru itu, guru mempunyai peranan yang amat penting dalam mempelbagaikan kaedah dalam pengajaran. Antaranya, didik hibur merupakan kaedah yang dapat dijadikan alternatif kepada jalan penyelesaian kepada permasalahan kemahiran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah umumnya.

Didik Hibur

Didik hibur ialah satu kaedah pembaharuan yang diperkenalkan kepada murid sebagai kaedah alternatif semasa proses pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Didik hibur ini diperkenalkan bertujuan untuk membantu guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menjadi lebih seronok untuk diikuti oleh murid. Fokus kaedah didik hibur adalah untuk penguasaan kemahiran asas Bahasa Melayu. Didik hibur atau *fun learning* memperkenalkan seiring dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2010. Didik hibur diperkenalkan sebagai satu teknik dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat menyediakan murid kebolehan untuk berintegrasi, bereksperimentasi dan menggunakan apa yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti yang seronok dan memberi makna kepada mereka.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan mempunyai matlamat yang bertujuan untuk mengoptimumkan intelek, potensi emosi dan rohani murid. Aktiviti didik hibur boleh dilaksanakan semasa melaksanakan set induksi atau semasa sesi penutup pembelajaran di bilik darjah. Murid akan meneroka cerita, sajak dan lagu untuk mengaktifkan kebolehan imaginasi dan minat kepada apa yang mereka pelajari. Komponen ini difokuskan untuk memastikan bahawa murid mendapat manfaat secara menyeluruh daripada kemahiran mendengar. Murid juga boleh berbangga dengan pencapaian, ganjaran, dan pujian yang diperoleh oleh mereka apabila berjaya melaksanakan aktiviti yang telah diberikan oleh guru mereka. Murid juga digalakkan untuk merancang, menyediakan dan menghasilkan karya kreatif yang mudah hasil dari pemahaman dalam proses pembelajaran menggunakan kaedah didik hibur yang diterapkan oleh guru mereka semasa sesi pengajaran di bilik darjah.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif umum bagi kajian ini adalah untuk melaksanakan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran membaca Bahasa Melayu khas untuk murid LINUS Tahun 3. Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti punca masalah kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid LINUS Tahun 3.
2. Mengenal pasti pelaksanaan didik hibur dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Bahasa Melayu murid LINUS Tahun 3.
3. Mengaplikasikan teknik didik hibur untuk menangani masalah kemahiran membaca yang dihadapi oleh murid LINUS Tahun 3.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, tiga persoalan yang dibina untuk kajian adalah seperti berikut:

1. Apakah masalah yang mempengaruhi kemahiran membaca dalam kalangan murid Tahun 3?
2. Apakah teknik didik hibur yang digunakan dengan berkesan dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk murid LINUS Tahun 3?
3. Apakah cara-cara untuk menangani masalah kemahiran membaca yang dihadapi oleh murid LINUS Tahun 3 ketika membaca?

Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan kerana beberapa kepentingan. Antaranya, hasil kajian ini dapat menjelaskan apakah teknik yang memfokuskan kaedah didik hibur untuk dilaksanakan bagi pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu untuk murid LINUS Tahun 3. Hal ini demikian kerana melalui pemilihan teknik yang betul untuk kaedah didik hibur yang dapat memberi manfaat secara holistik untuk murid LINUS Tahun 3.

Selain itu, hasil kajian ini akan dapat menjelaskan jenis pengaplikasian teknik dalam kaedah didik hibur untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu yang lebih efektif agar murid LINUS Tahun 3 mencapai target yang ditetapkan oleh guru mereka. Oleh yang demikian, kajian ini akan dapat membantu guru dalam merancang penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu yang memfokuskan murid LINUS Tahun 3 dengan lebih baik dan berkesan untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran yang menyeronokkan. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji yang berminat dengan kajian berkaitan kaedah didik hibur dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah umumnya. Justeru itu, hasil kajian ini akan dapat membantu pelbagai pihak berkaitan dalam menangani masalah kemahiran membaca dan isu murid kurang minat terhadap Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk kajian kuantitatif. Secara spesifiknya kajian deskriptif dilaksanakan bagi mengenal pasti dan mengkaji berkaitan pelaksanaan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran membaca Bahasa Melayu murid LINUS Tahun 3. Mokhtar (2011) telah menyatakan bahawa kajian deskriptif amat sesuai dijalankan untuk mengetahui respons daripada responden berkaitan terhadap baik buruknya sesuatu cadangan. Dalam kajian deskriptif ini, instrumen soal selidik telah digunakan. Tujuan kajian deskriptif diperkenalkan adalah untuk mendapatkan ukuran atau gambaran berkaitan dengan keadaan atau ciri populasi. Penggunaan instrumen soal

selidik adalah untuk memperoleh maklumat yang berkenaan dengan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan lain-lain (Mohd Majid, 2005). Dalam kajian ini, dalam instrumen soal selidik yang dibina terbahagi kepada empat kategori iaitu bahagian A: Demografi Responden yang terdiri daripada maklumat dari segi jantina, umur, keturunan, jenis sekolah, lokasi kediaman, taraf pendidikan, dan tempoh berkhidmat sebagai guru Bahasa Melayu di sekolah, bahagian B: Mengkaji punca kepada masalah membaca dalam kalangan murid LINUS Tahun 3, bahagian C: Mengkaji bagaimana kaedah didik hibur dapat diaplikasikan untuk menangani masalah membaca yang dihadapi oleh murid-murid Tahun 3, dan bahagian D: Mengkaji pelaksanaan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Terdapat 40 soalan diajukan dalam bahagian ini yang memfokuskan empat teknik iaitu teknik nyanyian, teknik bercerita, teknik lakonan dan teknik puisi. Instrumen soal selidik dalam kajian ini telah menggunakan skala Likert yang mempunyai lima skala, iaitu 1= Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju.

Justeru itu, kajian ini telah melibatkan tiga buah sekolah terpilih di Daerah Sibul iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Sentosa, Sekolah Kebangsaan (SK) Sibul Jaya dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Sacred Heart. Pemilihan sekolah-sekolah berikut adalah kerana sekolah berikut menepati ciri yang dapat menjawab objektif kajian ini. Antara ciri-cirinya ialah i) lokasi sekolah berikut adalah di luar bandar dan di bandar, dan ii) pemilihan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan adalah bertujuan untuk mengkaji apakah yang menyumbang kepada permasalahan kemahiran membaca. Pemilihan sampel kajian untuk menjawab persoalan kajian perlulah bertepatan dengan tujuan kajian dan penggunaannya dapat memberi solusi kepada apa yang dijangka (Sidek, 2002). Oleh sebab itu, kajian ini melibatkan 30 orang guru Bahasa Melayu dari 3 buah sekolah terpilih di daerah Sibul.

Instrumen Kajian

Soal selidik merupakan instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul hasil kajian daripada guru dari sekolah rendah terpilih. Soal selidik digunakan sebagai alat ukur yang dapat digunakan dalam kajian untuk bidang berkaitan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan lain-lain (Jamian, 2013). Soal selidik adalah lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan bagi mengumpul maklumat daripada populasi yang besar. Keupayaan soal selidik menggunakan sampel yang banyak akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Mohd Majid, 2009).

Prosedur Kajian

Pengumpulan data dibuat setelah mendapat kebenaran daripada pihak pentadbir di setiap sekolah terpilih. Data juga diperoleh daripada Pejabat Pendidikan Daerah Sibul, Sarawak. Seterusnya, soal selidik diedarkan kepada guru Bahasa Melayu untuk Tahun 3 secara spesifik memfokuskan murid LINUS.

Analisis Data dan Statistik

Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan aplikasi perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 26.0. Analisis ini hanya melibatkan statistik deskriptif. Statistik deskriptif memberi ringkasan daripada keseluruhan set data yang diambil untuk hasil kajian. Statistik deskriptif ini digunakan untuk menganalisis profil demografi responden dan analisis untuk soal selidik tentang pelaksanaan kaedah didik hibur dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu untuk murid LINUS Tahun 3 yang memfokuskan objektif untuk menangani masalah kemahiran membaca untuk murid LINUS Tahun 3. Min, sisihan piawai akan digunakan untuk mengukur tahap pelaksanaan kaedah didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk murid LINUS Tahun 3.

Lokasi Kajian

Kajian ini melibatkan 3 buah sekolah rendah di Sibu, Sarawak. Pengkaji berpendapat penggunaan responden adalah dapat membantu menjawab semua persoalan kajian dengan lebih tepat. Pihak sekolah terpilih juga memberikan sokongan sepenuhnya kepada pengkaji bagi melaksanakan kajian ini dengan jayanya. Ini akan memudahkan kajian pengkaji.

Responden Kajian

Responden telah diambil daripada 3 buah sekolah rendah yang terbabit dalam kajian ini dan setiap sekolah hanya sepuluh orang responden sahaja iaitu responden yang mengajar Bahasa Melayu. Menurut Mohd Majid (2009), populasi didefinisikan sebagai satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran terhadap sekumpulan individu atau objek. Penggunaan saiz sampel untuk hasil kajian adalah digalakkan dalam 30 unit atau lebih. Jadi, dalam kajian ini sampel yang digunakan adalah 30 unit bagi mengurangkan ralat pensampelan tersebut. Sampel kajian ini adalah berdasarkan formula penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970).

HASIL DAN PERBINCANGAN**Demografi Responden**

Demografi responden dalam kajian ini terbahagi kepada jantina, umur, keturunan, jenis sekolah, lokasi kediaman, taraf pendidikan dan tempoh berkhidmat. Responden terdiri daripada 30 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu daripada 3 buah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Sentosa, Sekolah Jenis Kebangsaan Sacred Heart, dan Sekolah Kebangsaan Sibu Jaya (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Demografi Responden

	Kategori	Jumlah (n=30)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	12	40
	Perempuan	18	60
Bangsa	Melayu	15	50
	Cina	5	16
	India	0	0
	Lain-lain	10	33
Pengkhususan	Bahasa	30	100
	Melayu		

Punca masalah membaca dalam kalangan murid LINUS Tahun 3

Pengkaji menggunakan tahap skor min yang telah diinterpretasikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah (Kurang setuju/kurang membantu/kurang mahir/kurang memenuhi/ tidak pasti/kadang-kadang/tiada/sebahagian kecil)
2.34 hingga 3.66	Sederhana (Setuju/membantu/mahir/memenuhi/ separuh)
3.67 hingga 5.00	Tinggi (Sangat setuju/sangat membantu/sangat mahir/sangat memenuhi/ sangat selalu/semua/sebahagian besar)

Sumber: Julie Pallat (2011)

Berdasarkan Jadual 3, punca kepada masalah membaca dalam kalangan murid LINUS Tahun 3 dapat dikenal pasti dengan lebih jelas. Punca kepada masalah membaca dibahagikan kepada empat punca iaitu kaedah pengajaran guru, faktor individu (murid Tahun 3), faktor persekitaran, dan faktor psikologi. Punca kepada masalah membaca akan memfokuskan tahap skor min yang tinggi sahaja bagi lebih dekat mengenal punca kepada permasalahan kemahiran membaca dalam kalangan murid LINUS Tahun 3 di sekolah rendah.

Jadual 3: Punca masalah kemahiran membaca dalam kalangan murid LINUS Tahun 3

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Guru menggunakan pelbagai teknik dalam aktiviti membaca	4.50	0.68	Tinggi
Guru menggunakan bahan bacaan yang menarik	4.37	0.55	Tinggi
Murid LINUS mempunyai daya ingatan hanya sementara	3.73	0.83	Tinggi
Murid LINUS kurang aktif di dalam kelas	3.70	0.59	Tinggi
Murid tidak ada sudut bacaan di rumah	4.16	0.87	Tinggi
Murid-murid lebih suka bermain dengan rakan-rakan daripada membaca buku cerita dalam kelas jika ada masa terluang	4.13	0.89	Tinggi
Murid kurang minat membaca	3.73	0.82	Tinggi
Murid tidak memberikan perhatian semasa aktiviti membaca	3.83	0.79	Tinggi

Faktor guru bukan penyumbang kepada murid LINUS belum dapat menguasai kemahiran membaca. Analisis melalui soal selidik berikut mengetahui punca kenapa dan mengapa masih ada murid LINUS Tahun 3 yang masih belum menguasai kemahiran membaca. Guru menggunakan pelbagai teknik dalam aktiviti membaca dan menggunakan bahan bacaan yang menarik tetapi atas faktor seperti murid mempunyai daya ingatan hanya sementara, murid kurang aktif di dalam kelas, dan tiadanya sudut bacaan di rumah untuk murid menguasai kemahiran membaca dengan lebih efektif ini menyumbang kepada terdapatnya permasalahan kemahiran membaca dalam kalangan murid Tahun 3 dan menyebabkan mereka dikategorikan murid LINUS. Selain itu, faktor seperti murid lebih suka bermain dengan rakan daripada membaca buku cerita dalam kelas jika ada masa terluang, murid kurang minat membaca dan murid tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian semasa aktiviti membaca dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) di bilik darjah oleh guru mereka, ini juga turut menyumbang kepada permasalahan kemahiran membaca dalam kalangan murid.

Berdasarkan Jadual 4, pelaksanaan kaedah didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dinyatakan mengikut empat teknik iaitu teknik nyanyian, teknik bercerita, teknik lakonan, teknik puisi (pantun dua kerat). Antara teknik ini, teknik seperti nyanyian, bercerita, dan lakonan menunjukkan skor min yang tinggi seperti dalam Jadual 4 berikut.

Jadual 4: Pelaksanaan Didik Hibur dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Bil	Kenyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Murid-murid suka bernyanyi semasa proses pengajaran dan pembelajaran	4.16	0.74	Tinggi
2	Murid-murid berasa terhibur sepanjang pembelajaran melalui Teknik Nyanyian	4.13	0.77	Tinggi
3	Murid-murid berminat belajar menggunakan Teknik Nyanyian	4.06	0.73	Tinggi
4	Murid-murid mudah untuk membaca serta mengingati perkataan melalui nyanyian	3.73	0.69	Tinggi

5	Murid-murid dapat menerima pembelajaran guru menggunakan Teknik Nyanyian	3.93	0.63	Tinggi
6	Murid-murid berasa bersemangat untuk belajar menggunakan Teknik Nyanyian	4.13	0.68	Tinggi
7	Murid-murid suka Teknik Bercerita semasa proses pengajaran dan pembelajaran	4.03	0.61	Tinggi
8	Murid-murid berasa terhibur sepanjang pembelajaran melalui Teknik Bercerita	3.90	0.61	Tinggi
9	Murid-murid berminat belajar menggunakan Teknik Bercerita	3.86	0.68	Tinggi
10	Murid-murid mudah untuk membaca serta mengingati perkataan melalui bercerita	3.77	0.57	Tinggi
11	Murid-murid dapat menerima pembelajaran guru menggunakan Teknik Bercerita	3.87	0.63	Tinggi
12	Murid-murid berasa bersemangat untuk belajar menggunakan Teknik Bercerita	3.77	0.50	Tinggi
13	Murid-murid suka Teknik Lakonan semasa proses pengajaran dan pembelajaran	3.80	0.55	Tinggi
14	Murid-murid berasa terhibur sepanjang pembelajaran melalui Teknik Lakonan	3.86	0.62	Tinggi
15	Murid-murid berminat belajar menggunakan Teknik Lakonan	3.67	0.55	Tinggi
16	Murid-murid mudah untuk membaca serta mengingati perkataan melalui lakonan	3.67	0.71	Tinggi

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan untuk keberkesanan pelaksanaan kaedah didik hibur dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP), ini jelas menyatakan bahawa hanya dengan kemahiran membaca sebagai asas pengetahuan utama untuk setiap individu, negara dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berwawasan. Membaca merupakan kemahiran penting yang perlu dimiliki murid pada peringkat awal usia lagi. Murid yang menunjukkan kebolehan membaca ayat dengan mudah serta lancar memahami sekumpulan perbendaharaan kata asas akan berada dalam kedudukan meyakinkan. Kemahiran membaca merupakan salah satu kemampuan berbahasa yang harus dimiliki manusia. Kemampuan menguasai kemahiran membaca ini adalah untuk mendapatkan maklumat penting seperti dalam teks untuk membantu meningkatkan lagi pencapaian akademik setiap murid. Kaedah didik hibur yang dikaji dalam kajian ini adalah merupakan satu pembaharuan yang diperkenalkan kepada murid sebagai kaedah alternatif semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Tujuan kaedah didik hibur ini dilaksanakan adalah untuk memfokuskan pelaksanaan kepada penguasaan kemahiran asas Bahasa Melayu dalam kalangan murid.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan atas sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan turut dibantu oleh Dr. Zuraini Seruji yang merupakan penyelia kepada pengkaji dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Terima kasih atas segala curahan idea dan bimbingan yang tidak terhingga dalam proses penulisan makalah ini.

RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Buku Pengoperasian LINUS2.0*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail, M. (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Jamian, A. R. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1(1), 1–12.
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 3, 49–62.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Kurikulum standard sekolah rendah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Konting, M.M. (2009). *Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Yussof, N., Hashim, N. H., & Othman, H. (2011). Kemahiran bacaan awal Bahasa Melayu Prasekolah. *Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia*.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang, Malaysia: Penerbit UPM.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Bentong, Malaysia: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan praktis*. Shah Alam, Malaysia: Karisma Publications Sdn. Bhd.